



**PANDUAN PEPERIKSAAN
MEMASUKI PERKHIDMATAN**

**AHLI FOTOGRAFI
GRED B17**



**BAHAGIAN PEPERIKSAAN
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA**

PEPERIKSAAN MEMASUKI PERKHIDMATAN AHLI FOTOGRAFI GRED B17

ARAHAN KEPADA CALON

1. Pada hari peperiksaan calon hendaklah membawa:
 - a. Surat panggilan menduduki peperiksaan;
 - b. Kad pengenalan
 - c. Alat tulis; pensel 2B, pen, pembaris, pemadam dan peralatan lain yang difikirkan perlu.
2. Calon perlu mematuhi arahan Ketua Pengawas.
3. Calon perlu berada di pusat peperiksaan **tiga puluh (30) minit** sebelum peperiksaan bermula.
4. Calon dilarang berkomunikasi sesama sendiri. Angkat tangan jika ada masalah atau pertanyaan.
5. Kamera Digital (DSLR) perlu dibawa sendiri oleh setiap calon.
6. Anda juga boleh membawa peralatan (*accessories*) lain yang difikir perlu untuk tujuan peperiksaan amali.
7. Kamera automatik yang merangkumi flash dan kemudahan dalaman lain **tidak** digalakkan.
8. Calon hanya dibenarkan meninggalkan pusat peperiksaan apabila diarah oleh Ketua Pengawas.
9. Calon mesti berpakaian kemas, sopan dan tidak menjolok mata.

PANDUAN UMUM KEPADA CALON

Peperiksaan ini mengandungi **satu (1)** bahagian iaitu :

Bahagian I - Amali

BAHAGIAN I - AMALI

Bahagian ini terbahagi kepada 2 seksyen, calon-calon dikehendaki memilih salah **satu** daripada seksyen berikut :

Seksyen A : Fotografi (Kamera Pegun) ;

atau

Seksyen B : Videografi (Kamera Video)

Seksyen A

Soalan-soalan yang akan ditanya adalah untuk menguji bakat, kebolehan dan kreativiti calon dalam bidang fotografi. Calon-calun dikehendaki mengambil gambar berdasarkan kepada **2 tajuk** berkaitan dengan objek dan potret. Bagi setiap tajuk, calon-calun dibenarkan mengambil **lima (5) snapshot** sahaja.

Penilaian adalah berdasarkan kepada **SETIAP** keping gambar yang diambil.

Penilaian adalah berdasarkan kepada perkara-perkara berikut :-

- a) Teknik Fotografi
- b) Komposisi
- c) Mesej

Masa : ½ jam
Bilangan Soalan : 2 (jawab semua)

Perhatian :

Bagi Seksyen A, calon-calun dikehendaki menyediakan kamera sendiri iaitu jenis **kamera Digital (DSLR)** dengan lensa yang boleh ditukar (*interchangeable lens*) dan flash berasingan. Calon-calun juga boleh membawa peralatan (aksesori) lain yang difikirkan perlu untuk tujuan ujian amali ini. Kamera automatik yang mengandungi flash dan kemudahan dalaman yang lain **tidak dibenarkan**.

CONTOH SOALAN :

Tolong menolong amalan kita. Gambarkan.

Seksyen B

Soalan-soalan yang akan ditanya adalah untuk menguji bakat, kebolehan dan kreativiti calon dalam bidang videografi. Calon-calun dikehendaki membuat **satu** liputan daripada 2 tajuk yang disediakan. Calon-calun diberikan masa 15 minit untuk membuat liputan tersebut.

Penilaian adalah berdasarkan kepada perkara-perkara berikut :-

- (a) Teknik Videografi
- (b) Komposisi
- (c) Mesej

Masa : 15 minit
Bilangan Soalan : 2 (jawab satu)

Perhatian :

Bagi Seksyen B, kamera video akan disediakan oleh pihak Jabatan.

CONTOH SOALAN :

Kesesakan lalu lintas di stesen penyiaran.